

BAB KELIMA

BAB KELIMA

PADERI DAN ULAMA : SUATU PERBANDINGAN

5.1 PENDAHULUAN

Menerusi bab ini, penulis membentangkan analisis kajian yang menumpukan kupasan persamaan dan perbezaan antara konsep paderi di dalam Kristian dan konsep ulama di dalam Islam. Penelitian terhadap pandangan Islam terhadap konsep paderi Kristian turut diketengahkan.

5.2 PERSAMAAN DAN PERBEZAAN ANTARA KONSEP PADERI DAN ULAMA

5.2.1 Persamaan Antara Paderi dan Ulama

Golongan paderi di dalam Kristian dan ulama di dalam Islam mempunyai beberapa persamaan. Antaranya ialah :

- a) Paderi Kristian dan ulama Islam merupakan ketua agama yang berfungsi memimpin masyarakat dan menguruskan hal-hal keagamaan masing-masing.¹

¹ *Supra*, hal. 90-97 dan 158-173.

- b) Paderi dan ulama bertanggungjawab di dalam mentadbir institusi gereja dan institusi masjid termasuk memantau kemajuan dan pembangunannya.²
- c) Sebagai ketua yang memimpin rohani dan jasmani manusia, paderi dan ulama mesti menepati kriteria-kriteria dan syarat-syarat kelayakan dari segi ciri-ciri peribadi dan juga perlantikan.³ Tidak mudah kepada sesiapa sahaja di kalangan pengikut kedua-dua agama mengaku sebagai paderi atau ulama melainkan setelah ia mendalami ilmu agama dengan mendalam dan secara meluas serta mempunyai sifat peribadi yang baik.
- d) Selaku ketua agama, mereka layak mendapatkan ketaatan para pengikut. Ciri ini penting kerena tanpa ketaatan, manusia sukar dibentuk dan dibimbing.⁴
- e) Para paderi berkewajipan menyampaikan ajaran agama Kristian, manakala ulama pula berkewajipan menyampaikan agama Islam kepada manusia.⁵ Golongan ini tidak bersikap berdiam diri terhadap ajaran agama malah sentiasa ingin mengajak masyarakat sekeliling turut serta menikmati kebaikan daripada ajaran-ajaran tersebut termasuklah menerima balasan baik daripada Tuhan di dunia dan akhirat.
- f) Golongan paderi dan ulama juga sanggup bekerja keras berdakwah kepada umat manusia walau menempuh kesukaran dan penderitaan demi memastikan dakwah mereka sampai dan dianuti oleh setiap lapisan masyarakat.⁶

² *Supra*, hal. 95 dan 165-166.

³ *Supra*, hal. 75-82 dan 143-149.

⁴ Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, juz.9, Dār al-Ma'rifah, Beirut, t.t., hal. 121.

⁵ *Supra*, hal. 90-91 dan 158-160.

⁶ *Supra*, hal. 90-91 dan 146.

g) Islam bermatlamatkan membimbing manusia ke jalan yang benar, jalan yang diredayai Allah s.w.t. dan memimpin mereka mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.⁷ Segala tenaga dan masa yang dicurahkan di dalam misi pendakwahan adalah menjurus kepada usaha mengubah cara hidup manusia yang huru hara kepada kehidupan yang sempurna dan aman harmoni. Dakwah Kristian pula sebagaimana kepercayaan penganutnya, juga bertujuan membaiki kehidupan manusia ke arah pengabdian diri kepada tuhan triniti dan ke jalan penghidupan yang terbaik menurut pandangan agama mereka.

h) Paderi dan ulama berperanan di dalam mengetuai upacara-upacara keagamaan sama ada di gereja atau pun di masjid.⁸ Tanpa kehadiran mereka, sesuatu upacara tidak dapat dijalankan seperti paderi yang menjalankan *the seven doctrines of the church* dan ulama yang terlibat di dalam ibadah solat, zakat, nikah kahwin dan lain-lain lagi. Namun begitu, halangan menjalankan upacara-upacara ini di dalam Islam tidak ditetapkan secara mutlak atau disebut *qati*⁹ seperti yang terdapat di dalam agama Kristian. Sebahagian hal-hal keagamaan masih boleh dijalankan oleh orang lain walaupun ia tidak bertaraf ulama atau tidak dilantik secara rasmi oleh pemerintah atau badan-badan agama asalkan individu berkenaan tahu atau ‘*arif* dalam hal tersebut seperti menjadi imam solat fardhu, menyampaikan ajaran Islam dan bacaan doa.

⁷ *Supra*, hal. 90-91 dan 164-165.

⁸ *Supra*, hal. 94-95 dan 165-166.

5.2.2 Perbezaan Antara Paderi Dan Ulama

Selain unsur-unsur persamaan paderi dan ulama, terdapat beberapa perbezaan yang sangat ketara antara keduanya. Antaranya ialah :⁹

- a) Pemahaman dan penghayatan agama paderi sering berubah-ubah mengikut peredaran zaman dan masa. Ia jelas kelihatan menerusi persidangan paderi-paderi yang bermula dari kurun keempat hingga kurun kesembilan belas Masehi¹⁰ Berbeza dengan ulama Islam, mereka menafsir al-Qur'an dan Hadith menurut apa yang telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. .
- b) Para paderi membuat pembaharuan dan menggubal undang-undang baru di dalam Kristian. Ini dibuktikan melalui kemunculan doktrin triniti di dalam persidangan Constantinople 1 pada tahun 381M. . Pembaharuan yang dilakukan oleh ulama tidak melibatkan perkara-perkara dasar di dalam Islam.
- c) Paderi-paderi Kristian mengamalkan cara hidup secara *celibacy* dengan meninggalkan tuntutan fitrah manusia yang berkehendak kepada keluarga dan keturunan. Bagi ulama Islam, perkahwinan adalah amat dituntut demi penerusan generasi yang beriman.
- d) Paderi Kristian dipercayai memiliki sifat maksum dan mendapat bantuan *The Holy Spirit*. Ini bertentangan dengan kedudukan ulama Islam yang tidak memperolehi apa-apa keistimewaan yang luar biasa. Sifat maksum menurut Islam hanya dimiliki oleh para Rasul.

⁹ *Infra*, "Pandangan Islam Mengenai Paderi", hal. 178-200.

¹⁰ Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *Muqāranah al-Adyān al-Masīhiyyah*, cet.6, Nahdah al-Misriyyah, Kaherah, 1978, hal. 195-197.

- e) Ulama Islam tidak berkuasa mengampunkan dosa manusia sebagaimana yang dilakukan oleh paderi Kristian.
- f) Suruhan dan perintah paderi tidak boleh dibantah oleh pengikut-pengikut Kristian. Kata-kata paderi bersifat mutlak dan wajib diterima oleh ahli. Perkara ini tidak berlaku di dalam Islam malah Islam menganjurkan permesyuaratan atau *syūrā*.

5.3 PANDANGAN ISLAM MENGENAI PADERI

Menurut penilaian Islam, konsep kepaderian Kristian ini tidak wujud di alam masyarakat Muslim.¹¹ Walaupun persamaannya ketara dilihat dari sudut memimpin masyarakat dan menguruskan hal-hal agama, namun kedua-duanya amat berbeza dari segi konsep, kedudukan dan keistimewaan di dalam agama.

Berdasarkan kajian yang dibuat terhadap paderi sebagaimana di dalam bab kedua dan ketiga, dapatlah dirumuskan bahawa perkara yang ditolak oleh Islam terhadap konsep paderi di dalam agama Kristian ini ialah :

Pertamanya : Pembujangan atau *celibacy*¹². Islam melarang sikap suka kepada pembujangan atau *celibacy* malah menggalakkan perkahwinan.¹³ Ini

¹¹ Philip W. Goetz, *The New Encyclopaedia Britannica*, jil.12, cet.15, Encyclopaedia Britannica Inc., t.t.p., 1985, hal. 113.

¹² *Supra*, bab 2, hal. 107-108.

kerana melalui perkahwinan, hati dan jiwa seseorang itu dipercayai akan lebih tenteram, terpelihara daripada sebarang perbuatan keji dan mungkar. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an :

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ
مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَكَبَّرُونَ

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.¹⁴

Menerusi perkahwinan juga dapat melahirkan zuriat dan keturunan yang sah di sisi agama di samping menuaikan tuntutan fitrah semulajadi manusia yang berkehendak kepada pasangan dan kasih sayang.¹⁵ Persoalan keturunan, pasangan dan kasih sayang amat berkait rapat antara satu sama lain di dalam kehidupan manusia. Tanpa kehadiran ketiga-tiga unsur tersebut atau salah satu daripadanya akan mengundang keresahan naluri terbesar dari dalam hati dan fikiran manusia yang akhirnya mengakibatkan jiwa tidak mencapai ketenangan dan ketenteraman yang hakiki.¹⁶ Justeru, Islam mensyariatkan soal perkahwinan ke atas penganut-penganutnya, dan ianya telah diperkatakan oleh Baginda s.a.w. di dalam hadithnya

¹³ Ajaran *The Bible* juga menyatakan bahawa perkahwinan adalah suatu yang mulia. *Genesis 22:17, 30:23* dan *Isaac 4:1*.

¹⁴ *Sūrah al-Rūm:21*.

¹⁵ *Sūrah al-Rūm:21*.

¹⁶ Muhammad Ali Quthb, *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*, (terj.) Hj. Taib Azamuddin Mohd. Taib (et.all), cet.8, Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur, 1992, hal. 54.

إِذَا ترَوْجَ الْعَبْدَ فَقَدْ اسْتَكْمَلَ نَصْفُ الدِّينِ فَلَيْقَ اللَّهُ فِي النَّصْفِ الثَّانِي

Apabila seorang hamba Allah telah beristeri atau bersuami, ia telah menyempurnakan separuh agamanya. Pada separuh yang lainnya hendaklah ia bertakwa kepada Allah.¹⁷

Selain itu, perkahwinan dapat melatih manusia dengan sifat bertanggungjawab terhadap isteri atau suami dan anak-anak yang dianugerahkan oleh Tuhan. Bermula daripada tanggungjawab terhadap keluarga ini, akan melahirkan sifat tanggungjawab, prihatin dan kerjasama kepada sesama manusia melalui hubungan jiran, masyarakat dan negara.

Menurut agama Islam, orang-orang yang tidak berkahwin adalah lebih mudah terdedah kepada perbuatan buruk dan dosa berbanding orang yang berkahwin akibat kekosongan jiwanya dari sifat tanggungjawab, dorongan hawa nafsu yang tidak terkawal dan emosi yang selalu tertekan.¹⁸ Menerusi artikel bertajuk “*Spiritual Healing for the Survivors of Clergy Sexual Abuse*” mencatatkan bahawa paderi telah melakukan penzinaan sesama anggota gereja. Kes ini melibatkan mangsa-mangsa yang berani tampil ke hadapan untuk menuntut keadilan dan ramai di kalangan mangsa mengambil sikap berdiam diri.¹⁹ Oleh kerana itu demi mengelakkan gejala negatif ini, Rasulullah s.a.w. memberi peringatan melalui sabdanya :

¹⁷ Zaki al-Din al-Mundhiri, *al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Syarif*, no. 2866, juz. 2, Dar Ibn Kathir, Damsyik, 1993, hal. 662.

¹⁸ Muhammad Ali Quthb, *op.cit.*, hal. 87.

¹⁹ Internet, <http://www.rentapriest.com/healing.html>, 2 Disember 2000.

Orang-orang yang buruk di antara kamu ialah mereka yang hidup membujang dan di antara kamu yang matinya sia-sia ialah mereka yang hidup membujang.²⁰

Keadaan hidup membujang atau juga dikenali dengan sebutan *rahbāniyyah*²¹ juga bukanlah merupakan amalan Rasulullah s.a.w. Sejarah Islam mencatatkan bahawa isteri-isteri Nabi Muhammad s.a.w. pernah ditanya tentang ibadah Rasulullah s.a.w. oleh sekumpulan lelaki yang bertujuan membanding-bandinkan kehebatan ibadah Nabi Muhammad s.a.w. dengan ibadah yang mereka lakukan sehingga Allah s.w.t. mengampunkan setiap dosa Nabi Muhammad s.a.w. yang terdahulu dan akan datang. Salah seorang daripadanya mengatakan bahawa dia sentiasa melakukan *qiyām al-lail* iaitu bersembahyang malam dan tidak pernah meninggalkannya. Orang kedua mengatakan bahawa dia sentiasa berpuasa di siang hari dan tidak pernah berbuka dan yang lain pula memaklumkan bahawa dirinya bersih daripada zina dengan menjauhi para wanita serta tidak akan berkahwin. Maka apabila Rasulullah s.a.w. mendengar pengakuan ini, Baginda terus menjelaskan bahawa dirinya adalah insan yang paling takutkan Allah s.w.t. dan paling bertakwa kepadanya. Namun Baginda tetap berpuasa dan berbuka, Baginda bersembahyang malam dan tidur dan turut mengahwini perempuan. Setelah itu Baginda mengingatkan bahawa sesiapa yang menolak *sunnah-sunnahnya*, maka

²⁰ Ahmad 'Abd al-Rahmān al-Bannā, *Fath al-Rabbāni*, juz. 16, Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, Beirut, t.t., hal. 139.

²¹ Ia juga disebut *celibacy*

mereka itu bukan terdiri dari kalangan umatnya. Ini jelas dinyatakan melalui hadith di bawah :

فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَنْتُمُ الَّذِينَ قَلْتُمْ كَذَا وَكَذَا ...
إِنَّمَا وَأَنْتُمْ إِنِّي أَخْشَاكُمْ اللَّهَ وَأَنْقَلَكُمْ لَهُ لَكُنَّ أَصْوَمَ وَأَنْطَرَ وَأَصْلَى وَأَرْقَدَ
وَأَنْزَلْتُ النِّسَاءَ فَمِنْ رَغْبَةٍ عَنْ سُنْتِي فَلِيُّسْ مُنِي

Maka datang Rasulullah s.a.w. (kepada kumpulan lelaki yang bertanya tentang ibadah Nabi Muhammad s.a.w. kepada Sayyidatina 'Aisyah r.a) dan berkata : Kamukah yang mengatakan begini dan begini. Demi Allah, sesungguhnya aku orang yang paling takutkan Allah dan paling bertakwa kepadaNya di antara kamu, namun aku berpuasa dan aku berbuka, aku sembahyang dan aku tidur serta mengahwini perempuan. Sesiapa yang menolak *sunnahku inaka ia bukan di kalangan umatku.*²²

Hakikat sebenar di sebalik perkahwinan ialah berupaya mengendali serta mengawal nafsu syahwat di samping mampu memelihara jiwa dan memperbanyakkan keturunan manusia.²³ Kenyataan Rasulullah s.a.w. ini secara langsung menolak konsep *rahbāniyyah* atau *celibacy* di dalam kehidupan manusia. Sesiapa yang mengamalkannya adalah tercela²⁴ dan terkeluar daripada landasan ajaran suci yang telah dibawa oleh Baginda sejak 1422 tahun Hijrah yang lampau.

²² Ahmad b. Hanbal, *Musnad al-Imām Ahmad b. Hanbal*, no. 13540, juz.3, cet.1, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1994, hal. 295. Juga kisah Uthmān b. Maz'ūn di dalam: Abū Muḥammad 'Abd Allāh b. Bahram al-Dārimī, *Sunan al-Dārimī*, jil.2, Maktabah Dahlān, Indonesia, t.t., hal. 133.

²³ Ibn Hajar al-Asqalānī, *op.cit.*, juz.9, hal. 105.

²⁴ Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd, *'Umdah al-Qāri - Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, jil.20, Dār al-Fikr, Beirut, t.t., hal. 64.

Antara kebaikan perkahwinan yang lain ialah orang-orang yang telah berkahwin diberi ganjaran pahala yang lebih banyak berbanding orang-orang yang belum berkahwin apabila mereka mengerjakan sesuatu kebajikan. Ia terungkap di dalam hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang menyatakan :

رَكْعَتَانِ مِنْ مُنْزَوِجٍ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينِ رَكْعَةً مِنَ الْعَزْبِ

Dua rakaat yang dilakukan oleh orang yang berkeluarga lebih afdhal daripada tujuh puluh rakaat yang dilakukan oleh orang yang hidup membujang.²⁵

Prinsip-prinsip perkahwinan Islam ini jelas bertentangan dengan pensyariatan *celibacy* kepada golongan paderi Kristian. Islam sangat menekankan kestabilan dan kesempurnaan hidup manusia yang merangkumi skop kemasyarakatan dan skop kesihatan jiwa serta diri di dalam kehidupan sehari-hari.

Keduanya : Pengampunan dosa atau *absolution*. Islam turut menolak kuasa mutlak yang dimiliki oleh para paderi untuk mengampunkan dosa kepada sesiapa sahaja yang disukai atau menghukum berdosa kepada sesiapa yang dikehendakinya. Berlandaskan ajaran Nabi Muhammad s.a.w., kuasa menentukan dosa dan pahala atau perkara halal dan haram adalah kepunyaan Allah s.w.t. semata-mata. Oleh yang demikian, hak mengampunkan dosa manusia adalah milikNya juga. Manusia termasuk golongan para nabi dan rasul hanya berhak

²⁵ 'Alā' al-Dīn al-Hindī, *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwāl wa al-Afāl*, no. 44445, juz. 16, Muassasah al-Risālah, Beirut, 1985, hal. 277.

memutuskan dan melaksanakan hukuman ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan mengikut apa yang telah digariskan oleh syariat Islam itu sendiri.²⁶

Justeru, prinsip Kristian yang menyatakan bahawa ketua-ketua agama Kristian berhak mengampunkan dosa manusia atau sebagai perantara antara kuasa Tuhan dengan dosa manusia bercanggah dengan ajaran Islam. Ini kerana setiap individu bertanggungjawab terhadap segala perbuatannya sama ada berupa pahala atau dosa dan ia tidak melibatkan individu lain. Allah s.w.t. telah menegaskan hal ini melalui *Sūrah al-Isrā'*: 15 :²⁷

من اهتدى فلتـما يهـتـدى لنـفـسـهـ وـمـنـ ضـلـلـ فـلـمـا يـضـلـ عـلـيـهـاـ وـلـاـ تـرـرـ
وازـرـةـ وـزـرـ أـخـرـىـ وـمـاـ كـنـاـ مـعـذـبـينـ حـتـىـ نـبـعـثـ رـسـوـلاـ

Sesiapa yang beroleh hidayah pertunjuk (menurut panduan Al-Qur'an), maka sesungguhnya faedah pertunjuk yang didapatinya itu hanya terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat maka sesungguhnya kesan buruk kesesatan hanya ditanggung oleh dirinya juga. Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja). Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).

²⁶ *Sūrah al-Anfāl*:27, *al-Nisā'*:58 dan 64, *al-Baqarah*: 42 dan 283.

²⁷ Juga *Sūrah al-Baqarah*:286, *al-Tūr*:21, *Sūrah al-Najm*:38-39 dan *Luqmān*:33.

The Bible turut menukilkan perkara ini di dalam ayat :

*For the Son of men shall come in the glory of his Father with his angels; and then he shall reward every man according to his works.*²⁸

Ayat-ayat di atas secara jelas membuktikan kedudukan dosa dan pahala adalah tertanggung ke atas individu tersebut. Ini bermakna seorang bapa tidak menanggung dosa anaknya atau seorang anak tidak dibebani dengan dosa ibu bapanya. Hanya Allah s.w.t. sahaja, Pencipta sekalian manusia yang berhak memberi keampunan atau mengazab hamba-hambaNya. Firman Allah s.w.t. :

وَلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ يَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَعذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Kepunyaan Allah apa yang dilangit dan di bumi, diampuniNya siapa yang disukaiNya dan disiksaNya siapa yang dikehendakinya, dan Allah itu Maha Pengampun dan Penyayang.²⁹

Sehubungan itu, bagaimanakah persoalan paderi mampu menghilangkan dosa ini dapat diterima oleh akal manusia yang waras dan rasional? Sekiranya ia diterima akal maka sudah pasti manusia akan bebas melakukan apa sahaja bentuk kesalahan kerana ia akan terhapus dengan hanya pengakuan dosa di depan paderi atau bayaran wang tertentu mengikut kadar kesalahan pelaku sahaja.³⁰ Tindakan

²⁸ *Matthew 16:27*. Juga *Acts 2:5-6*.

²⁹ *Sūrah Āli ’Imrān:129*, *al-Māidah:18, 40* dan *al-Fath:14*. Begitu juga *The Bible* mencatatnya secara tidak lansung di dalam *Matthew 19:26, 21:43* dan *Mark 2:7*.

³⁰ Ia boleh dibuktikan dengan meneliti kesan penjualan surat pengampunan dosa yang telah dikeluarkan oleh gereja Kristian sekitar kurun ketiga belas Masehi iaitu ramai pengikut Kristian yang sedia membeli surat berkenaan sekalipun ia tidak bertaubat. Surat ini menjamin penghapusan dosa

ini boleh menimbulkan unsur eksplotasi di kalangan paderi untuk mendapatkan kekayaan peribadi.³¹ Justeru, penulis berpendapat bahawa tiada manfaat dan faedah segala ajaran Jesus Christ yang menyuruh manusia berakhlik mulia disebarluaskan. Di samping itu, hanya segelintir manusia sahaja akan terdorong untuk melakukan kebaikan lantaran hawa nafsu yang sememangnya suka dan tertarik kepada perbuatan buruk dan perkara-perkara yang dilarang oleh agama.³²

Berdasarkan penelitian ini , maka kepercayaan penganut Kristian bahawa Jesus Christ mati di tiang salib untuk membebaskan umat manusia daripada dosa warisan akibat keingkaran Adam dan Eve terhadap larangan tuhan memakan buah khuldi³³ turut ditolak oleh Islam.³⁴ Ia adalah selaras dengan tuntutan neraca keadilan yang diperjuangkan oleh semua agama dan bangsa di dunia.³⁵

Ketiganya : Maksum atau *infallible*. Islam menolak sifat maksum yang dipercayai dimiliki oleh ketua-ketua agama Kristian. Menurut orang-orang Kristian, setiap paderi yang telah dilantik secara rasmi oleh agama dan gereja mempunyai ciri kemaksuman. Ini berikutnya kepercayaan bahawa kemaksuman St.

manusia yang lampau dan yang akan datang serta sebagai tiket jaminan untuk masuk ke syurga selepas mati. Ahmad Syalabi³⁶ (Prof. Dr.), *op.cit.* , hal. 254-255 dan K.D. Bahaudin Mudhary, *Dialog Masalah Ketuhanan Jesus*, Persatuan Ulamak Malaysia, Kuala Lumpur, t.t., hal. 62.

³¹ *Ibid.* .

³² Haron Din, (Prof. Dr.), *Manusia dan Islam*, cet.3, Percetakan Watan, Kuala Lumpur, 1988, hal. 29-30. Juga rujuk *Sūrah Yūsuf*:53 dan *al-Ma'ārij*:19-23.

³³ Ulfat Aziz us-Samad, *A Comparative Study of Christianity and Islam*, Noor Pub. House, Delhi, 1986, hal. 90. *Supra*, bab 2, hal. 91.

³⁴ Muhammad Sayyid Ahmad al-Musayyir, *Uṣūl al-Naṣrāniyyah fī al-Mīzān*, Dār al-Azhar, Kaherah, 1988, hal. 70-79.

³⁵ Seseorang pesalah bagi kesalahan jenayah tidak akan disabitkan kesalahan sehingga ia dapat dibuktikan kesalahannya itu di dalam mahkamah dan ia tidak dipertanggungjawabkan ke atas kesalahan orang lain. *Sūrah al-Isrā':15*.

Peter³⁶ sebagai pengganti Jesus Christ untuk menyebarkan ajaran Kristian diwarisi oleh para paderi selepasnya. Oleh yang demikian segala perintah paderi terutama daripada *Pope* adalah bersifat mutlak dan wajib ditaati. Individu yang berani ingkar akan dianggap rosak keimanan dan juga dipandang sebagai melanggar perintah agama dan negara. Menerusi keistimewaan ini paderi bebas bertindak dalam menetapkan sesuatu perkara dan mengawal tatacara hidup penganut-penganutnya seperti menetapkan buku-buku yang boleh dibaca dan buku-buku yang tidak boleh dibaca oleh penganut Kristian serta memaksa orang ramai memeluk agama Kristian dengan ancaman seksa sampai mati³⁷ kepada golongan yang enggan menurutinya. Fenomena ini berlaku pada kurun ke-13M. di Eropah.³⁸

Syariat Islam menjelaskan bahawa sifat maksum hanya dimiliki oleh para nabi dan rasul. Ia bertepatan dengan tugas mereka untuk menyebarkan ajaran wahyu ke seluruh alam. Andainya ciri ini tidak ada, ia akan menjejaskan kesucian risalah Islam sebagai risalah unggul dalam memandu manusia ke jalan yang lurus dan juga sebagai risalah akhlak sebagaimana yang dipromosikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.³⁹ Al-Qur'an menukilkannya dalam *Sūrah al-Mā'ida : 67* :

وَاللَّهُ يَعِصِمُ مِنَ النَّاسِ
Allah memelihara engkau daripada manusia...

³⁶ *Supra*, bab1, hal. 45 dan 63. *Matthews 16:18-19*, *Matthews 13:41*, *Luke 22:29-30* dan *Luke 23:42*. Menurut penulis, dalil ini tidak boleh dijadikan asas kebenaran kepada St. Peter untuk menyuruh dan mlarang manusia melakukan sesuatu perkara kerana St. Peter adalah orang terawal yang memanggil Jesus sebagai anak Tuhan seperti yang tercatat di dalam *Matthew 16:16*. Justeru, kemantapan akidahnya menurut pandangan penulis boleh dipertikaikan.

³⁷ Disebut *inquisition*.

³⁸ Philip W. Goetz, *op.cit* , jil.5, hal. 872 dan Ibrahim Che Noh, *Pertentangan Islam dan Kristian*, cet. 1, al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1988, hal. 126.

³⁹ *Sūrah al-Ahzāb:21*.

Walaupun begitu kedudukan para nabi dan rasul, kemaksuman mereka hanya meliputi pemeliharaan Allah daripada perbuatan-perbuatan syirik, keji, maksiat dan sifat-sifat *madh'mūmah* yang merosakkan keimanan. Jaminan ini tidak sekali-kali membenarkan para nabi dan rasul menggubal sebarang ajaran baru melainkan menyampaikan apa yang telah diwahyukan kepada mereka.⁴⁰ Hakikatnya mereka adalah manusia yang sangat takut menjadi golongan pelampau dengan mengada-adakan suatu yang tidak diperintahkan kepada mereka. Jika demikian halnya di kalangan para *al-anbiyā'*, maka mustahil pula ulama Islam mendakwa diri mereka sebagai individu maksum.

Keadaan ini berbeza sekali dengan paderi Kristian. Setiap paderi adalah dikira sebagai insan maksum yang bebas dari melakukan kesilapan yang sekaligus berkuasa ke atas seluruh penganut-penganut Kristian dengan pelbagai arahan dan perintah. Konsep ini bertitik-tolak daripada kepercayaan penganut Kristian terhadap kekuasaan *The Holy Spirit* yang bertugas memimpin paderi-paderi dengan kebenaran. Dengan penganugerahan tersebut maka para paderi sentiasa suci dan bersih dari dosa di bawah pemeliharaan Tuhan Bapa.

Mengenai kekudusan paderi, sejarah Islam mencatatkan bahawa seorang sahabat Nabi Muḥammad s.a.w. iaitu 'Adī b. Hātim yang dahulunya beragama Nasrani, datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan keadaan di lehernya tergantung tanda salib daripada emas. Baginda menyuruh 'Adī menanggal dan membuang

⁴⁰ *Sūrah al-Baqarah*:42, *al-Anfāl*:27, *al-Nisā'*:58. Juga *John* 5:30.

tanda itu lalu membacakan ayat al-Qur'an iaitu *Sūrah al-Taubah* ayat ke-31.⁴¹

Kemudian 'Adī berkata : Ya Rasulullah! Sesungguhnya mereka itu tidak menyembah para pendeta. Lantas Rasulullah s.a.w. menjawab :

اللَّيْسُ يَحْرُمُونَ مَا أَحْلَى اللَّهُ فَتَحَوَّنَهُ وَيَحْلُونَ مَا حَرَمَ اللَّهُ فَتَحَوَّنَهُ؟
قَالَ: قَلْتُ بَلِي ، قَالَ : فَتَكَ عَبَادَتُهُمْ

Bukankah para pendeta itu mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah maka mereka (penganut Kristian) mengharamkannya juga dan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah maka mereka turut menghalalkannya, aku('Adī) berkata : Ya. Sabda Rasulullah : maka demikian itulah penyembahan kepada mereka.⁴²

Allah s.w.t. turut menyalur golongan ini melalui firmanNya :

قُلْ أَرَعِيهِمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حِرَاماً وَحَلَالاً قُلْ
أَنَّ اللَّهَ أَنْ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَقْرُونَ

Katakanlah (kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): "Sudahkah kamu nampak baik-buruknya sesuatu yang diturunkan Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram, dan sebahagian lagi halal?" Katakanlah lagi (kepada mereka): "Adakah Allah izinkan bagi kamu berbuat demikian, atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?"⁴³

⁴¹ Al-Qurtūbī, *al-Jāmi' li Akhām al-Qur'ān*, juz.8, jil.4, cet.5, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1996 . , hal. 77. Juga al-Šābūnī, Muḥammad 'Ali, *Safwah al-Tafsīr*, jil.1, cet.5, Dār al-Qalam, Beirut, 1986, hal. 531. Menurut al-Qurtūbī, *ahbar* ialah orang yang berkata baik dan bertingkah laku dengan kebaikan manakla *rahib* ialah individu yang takutkan Allah, hatinya ikhlas kepada Allah, memperuntukkan masa beribadah hanya kepadaNya dan bekerja untukNya. Al-Qurtūbī, *op.cit.* , juz.8, hal. 76-77, al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Takwīl Ayyī al-Qur'ān*, juz.10, jil.6, Dār al-Fikr, Beirut, 1984, hal.80-81 dan Rasyid Ridā, *Tafsīr al-Mannār*, juz.10, Dār al-Ma'rifa, Beirut, 1993, hal.363-367.

⁴² al-Tabarī, *op.cit.* , juz.10, jil.5, hal. 114.

⁴³ *Sūrah Yūnus:59.*

Penegasan yang dinyatakan oleh Islam ialah golongan ulama tidak sekali-kali menerima nikmat kemaksuman apatah lagi mendapat pembimbing seperti *The Holy Spirit*. Mereka tidak berani mengeluarkan apa jua fatwa dan arahan melainkan setelah merujuk terlebih dahulu kepada al-Qur'an dan Hadith. Apatah lagi, mereka sekali-kali tidak berani mengubah kandungan syariat Islam sebagaimana yang ditunjukkan oleh Sayyidinā Abū Bakr dan Sayyidinā 'Umar al-Khattab.⁴⁴ Al-Syāfi'i meriwayatkan di dalam *Kitāb al-Umm* bahawa seorang murid Abū Hanīfah iaitu Qādi Abī Yūsuf mengatakan :

Saya menjumpai guru-guru kami dari para ahli ilmu bahawa mereka tidak suka berfatwa sehingga menyatakan 'ini halal dan ini haram' kecuali menurut apa yang terdapat di dalam al-Qur'an dengan tegas tanpa memerlukan tafsiran.⁴⁵

Selain itu, penganut Roman Katolik sendiri pada hari ini dikatakan telah mula menolak konsep tersebut. Mereka tidak lagi mempercayai gereja-gereja Kristian sentiasa benar dan tidak sekali-kali melakukan kesalahan dalam menyampaikan seruan kebenaran.⁴⁶ Menurut pendapat golongan ini, perkara tersebut tidak dicatatkan di dalam *The Bible*. Seorang penganut Kristian bernama Doris Grumbach berpandangan bahawa :

Vatican II, (the Second Vatican Council of 1962), amazed me because it raised the possibility of more answers than one, of gray areas, of a private world of conscience and behaviour... I still cling to the Gospels, to Christ and some of his

⁴⁴ Ucapan dasar Sayyidinā Abū Bakr dan Sayyidinā 'Umar selepas mereka dilantik menjadi khalfah. Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, *Tarikh al-Khulafā'*, Dār al-Fikr, Beirut, 1988, hal. 64 dan 245.

⁴⁵ Yūsuf al-Qaradāwī, (Prof. Dr.), *al-Fatwā Bayn al-Indibāt al-Tasayyub*, Dār al-Šāhwah, Kaherah, 1992, hal. 31.

⁴⁶ Muhammad 'Ata ur-Rahim, *Christianity Today*, *al-Nahdah*, bil.1 (Jan.-Mac), jil.3, 1983, hal. 14.

*followers as central to my life, but the institution no longer seems important to me. I no longer live in it.*⁴⁷

Pendapat lain pula menyatakan :

*There is so much diversity and clash, so much chaos, in the Christian Church today that the old ideal of a unified or systematic Christian truth has gone.*⁴⁸

Pendapat-pendapat ini membuktikan bahawa perubahan-perubahan yang berlaku di dalam gereja Kristian menerusi perintah paderi-paderi terutama perkara-perkara yang tidak dicatatkan di dalam *The Bible* atau yang bercanggah dengannya sedikit sebanyak melunturkan keyakinan para pengikut Kristian terhadap kesucian dan kemaksuman paderi itu sendiri.

Keempatnya : Peranan *The Holy Spirit*. Kedudukan *The Holy Spirit* sebagai tuhan dan pembimbing utama para ketua agama Kristian juga dipertikaikan oleh Islam. Al-Qur'an menukilkan bahawa Allah s.w.t. tidak memerlukan sebarang sekutu atau pembantu di dalam mentadbir alam ini. Firman Allah s.w.t. :

نَّا لَكُمْ أَنْشِرْبُكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالقُ كُلُّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ وَكَفِيلٌ

Itulah Allah, Tuhan kamu, tidak ada Tuhan selain daripadaNya; pencipta segala sesuatu, sebab itu sembahlah Dia, dan Dia Pengurus segalanya.⁴⁹

⁴⁷ *Ibid.*, hal. 14-15.

⁴⁸ *Ibid.*, hal. 15.

⁴⁹ *Sūrah al-An'ām:102*. Juga *Sūrah al-An'ām:100-101*, *al-Anbiyā':22*, *al-Nahl:20*, *al-Mu'minūn:84-92* dan *Maryam:42*.

Menerusi sifat Allah yang Maha Bijaksana, Maha Berkuasa dan Maha Perkasa, pengurusan alam dilakukan dengan mudah dan tersusun rapi. Menurut Islam, *The Holy Spirit* yang diutuskan kepada Mariam, ibu kepada Nabi 'Isā a.s. dan juga kepada para nabi dan rasul hanyalah sebagai penyampai wahyu yang dikenali dengan nama Malaikat Jibril a.s. Agama Kristian turut mengakui kedudukan malaikat ini menerusi *The Bible*:

*And there appeared unto him an angel of the Lord standing on the right side of the altar of incense (11) And the angel answering said unto him, I am Gabriel, that stand in the presence of God; and am sent to speak unto thee, and to shew thee these glad tidings.(19)*⁵⁰

Malaikat ini dipercayai tidak lagi turun membawa wahyu kepada manusia selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. yang merupakan penutup segala nabi dan rasul. Keperluannya turun ke bumi bagi memandu manusia ke jalan yang benar adalah tidak sesuai kerana ia bakal menggugat kedudukan al-Qur'an sebagai kitab syariat terakhir kepada manusia yang dijamin sempurna, lengkap dan berubah hingga ke hari kiamat.⁵¹

Sekiranya pegangan terhadap *The Holy Spirit* ini benar, mengapakah kepercayaan kepada tiga tuhan yang terangkum di dalam doktrin *Trinity* Kristian secara terang-terangan bercanggah dengan keterangan *The Bible* yang memerintahkan manusia percaya kepada tuhan yang satu dan Jesus itu adalah

⁵⁰ Luke 1:11-20. Juga Luke 1:26-38 dan 1:30.

⁵¹ Rujuk Sūrah al-Hijr:9, al-Haqqah:51 dan Hūd:13.

manusia yang diutus sebagai rasul.⁵² Persoalan ini tidak terhenti setakat di situ sahaja tetapi menjangkau kepada persoalan sebahagian ayat-ayat *The Bible* dilihat bertentangan dengan sebahagian yang lain. Tidakkah *The Holy Spirit* berperanan dan mampu membetulkan segala kekeliruan dan penyelewengan tersebut? Salah satu ayat di dalam *The Bible* mencatatkan :

*And lo a voice from heaven, saying, This is my beloved Son,
in whom I am pleased.*⁵³

Namun di dalam ayat yang lain, tercatat ayat berikut :

*And she shall bring forth a son, and thou shalt call his name
JESUS: for he shall save his people from their sins.*⁵⁴

*And Jesus answered him, The first of all the commandments
is, Hear, O Israel, The Lord our God is one Lord:*⁵⁵

Hal ini berlaku adalah disebabkan faktor *The Bible* ditulis menerusi pengalaman dan berita-berita yang diperolehi oleh para penulisnya iaitu Matthew, Mark dan Luke sepanjang pergaulan mereka bersama Jesus.⁵⁶ Terdapat juga di kalangan mereka yang tidak pernah langsung menemui Jesus atau para sahabatnya

⁵² *Matthew 1:21, 26:2, Mark 12:29, John 17:3, 17:8.*

⁵³ *Matthew 3:17, 16:16, Mark 8:29* dan *Luke 9:20.*

⁵⁴ *Matthew 1:21.* Juga *Matthew 26:2, John 17:3* dan *17:8.*

⁵⁵ *Mark 12:29.* Juga *John 5:31* dengan ayat *John 8:14.*

⁵⁶ Abdul Wahab Latif, *Perbandingan Methodi Dakwah Islamiah dan Methodi Misi Kristian*, cet. 1, YAYasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu, 2000, hal. 7.

seperti John.⁵⁷ Allah menegaskan perselisihan ini di dalam firmanNya yang berbunyi :

أَفَلَا يَتَبَرَّوْنَ الْقُرْءَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوْجِدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا
كَثِيرًا

Apakah mereka tidak memperhatikan al-Qur'an? Dan kalau kiranya ia bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapatkan banyak pertentangan di dalamnya.⁵⁸

Melalui doktrin *Trinity* yang menyentuh tentang ketuhanan Jesus, penganut-penganut Kristian berkeyakinan bahawa Jesus Christ memiliki dua sifat iaitu sifat manusia yang disebut *nāsūt* dan sifat Tuhan yang disebut *lāhūt*. Menerusi pemikiran yang rasional, penulis berpendapat pandangan ini sukar diterima akal dan hanya membawa kepada kecelaruan fikiran di mana akan timbul persoalan mengapakah Jesus tidak mampu menyelamatkan dirinya daripada disalib oleh tentera-tentera Rome? Atau mengapakah *The Holy Spirit* tidak datang membantu Jesus Christ pada ketika itu?⁵⁹ Hakikatnya, peristiwa penyaliban yang berlaku selepas Jesus Christ ditangkap oleh pemerintah Rome atau Romawi itu sedikit sebanyak merendahkan taraf dan mencacatkan kedudukannya sebagai Tuhan.

Kemunculan doktrin triniti di dalam persidangan Constantinople 1 pada tahun 381M., pensyariatan paderi iaitu *Pope* memiliki hak pengampunan dosa

⁵⁷ Muhammad Abū al-Ghayt al-Fārī, *Injīl al-Masīh 'Alaih al-Salām Bainā Wahy al-Samā' wa Wad'i al-Basyar*, cet. 1, Dār al-Kutub al-Jami'i, Kaherah, 1986, hal. 40-42 dan hal. 61-99.

⁵⁸ *Sūrah al-Nisā':82*.

⁵⁹ Begitu juga halnya dengan St. Paul, tokoh yang amat berpengaruh di dalam Kristian. Mengapakah *The Holy Spirit* tidak menolongnya daripada diancam dan ditangkap oleh pihak pemerintah di zamannya. Peristiwa ini dicatatkan di dalam sejarah Kristian. O. F. Schroeder, "Paul,

kepada sesiapa yang dikehendaki pada persidangan Rome tahun 1215M. dan konsep kemaksuman paderi pada persidangan Rome tahun 1869M. secara jelas menunjukkan bahawa berlaku pembaharuan di dalam Kristian oleh paderi-paderi Kristian. Konsep-konsep tersebut tidak terdapat di zaman Jesus Christ. Sekiranya andaian ini tidak benar, apakah punca timbulnya golongan penentang gereja yang sanggup disiksa, digelar sebagai *pembid'ah* atau murtad dan dihukum bunuh demi mempertahankan ajaran Jesus yang sebenar.⁶⁰ Dan kenapakah sebahagian kitab-kitab Kristian seperti *Gospels of Barnabas* diharamkan walhal Barnaba adalah salah seorang *the twelve disciples* yang sewajarnya diikuti?⁶¹ Hujah bimbingan *The Holy Spirit* kepada semua paderi Kristian difikirkan tidak kukuh memandangkan perlakuan kejam gereja di zaman *dark ages* ke atas penganut-penganut Kristian sendiri serta kebejatan akhlak yang berleluasa di Barat dewasa ini hingga menular ke negara-negara Islam. Adakah *The Holy Spirit* bersikap berpeluk tubuh melihat ajaran Jesus dicemarkan oleh umatnya tanpa terdorong untuk menegur penyeleweng-penyeleweng dengan kekuasaannya?

Kelima : Sifat taat yang melampau. Ketaatan kepada manusia di dalam perkara syirik dan maksiat kepada Allah s.w.t. amat dilarang di dalam Islam malah ia boleh menyebabkan seseorang muslim itu menjadi murtad. Sabda Rasulullah

S.a.W. :

the Apostle", *New Catholic Encyclopedia*, John P. Whalen (ed.), jil.11, cet.1, The Catholic University of America, Washington, 1967, hal. 7.

⁶⁰ Philip W. Goetz, *op.cit.*, hal. 872.

⁶¹ Muhammad Abū al-Ghayt al-Fārī, *op.cit.*, hal. 171-172.

السمع والطاعة على المرء المسلم فيما أحب وكره، ما لم يزمر
بمعصية، فإذا أمر بمعصية فلا سمع ولا طاعة

Perlu patuh dan taat kepada seseorang muslim pada perkara yang disuruh dan ditegah selagi mana ia tidak menyuruh kepada maksiat, sekiranya ia menyuruh melakukan maksiat maka tidak perlu patuh dan taat kepadanya.⁶²

Menurut Islam, ketaatan hakiki hanya selayaknya diberikan kepada Tuhan Pencipta alam sarwajagat ini iaitu Allah s.w.t. Dialah yang menjadikan setiap makhluk bahkan Dialah juga yang menguasainya serta mentadbir alam menurut acuan yang dikehendakiNya.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaku.⁶³

Islam menolak kepercayaan orang-orang Kristian bahawa arahan-arahan yang dikeluarkan oleh golongan paderi tidak boleh dibantah atau diperbincangkan. Misalnya di dalam masalah ketuhanan Jesus Christ, ketuhanan *The Holy Spirit*, kemaksuman dan kekudusan paderi serta penolakan gereja terhadap penemuan-penemuan saintifik yang dianggap boleh meninggikan ketamadunan manusia. Ini memperlihatkan sifat taat yang membuta tuli masyarakat Kristian terhadap para paderi mereka. Allah s.w.t. menjelaskan pegangan Kristian tersebut menerusi *Sūrah al-Taubah* ayat ke-31 :

⁶² Tidak diwajibkan taat malah diharamkan berbuat demikian ke atas orang yang berkemampuan mengelak daripadanya (contohnya tidak dipaksa atau tidak diancam bunuh). Riwayat lain ialah لا طاعة في معصية الله تعالى أو من لم يطع الله .⁶³ لا طاعة لمن عصى الله تعالى أو من لم يطع الله . Ibn Hajar al-Asqalānī, *op.cit.*, juz. 13, hal. 121.

⁶³ *Sūrah al-Zāriyāt*:56.

اتخذ أخبارهم ور هبائهم أربابا من دون الله والمسيح ابن مريم
و ما أمروا إ لى يعبدوا إ لى لها واحدا لا إ لى هو سبحانه عما
يشركون

Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli ugama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih ibn Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.

Ayat di atas menerangkan keadaan orang-orang Kristian yang tunduk kepada paderi dan mengibadati mereka sebagai golongan yang terlalu suci dan kudus. Mereka taatkan paderi sepertimana mereka taatkan tuhan, taatkan apa yang dihalalkan dan diharamkan oleh paderi dan mereka meninggalkan suruhan Allah.⁶⁴ Pegangan melampau ini secara tidak langsung membawa maksud bahawa para paderi disembah seperti tuhan.

Di dalam Islam pintu muzakarah atau perbincangan adalah terbuka luas kepada semua penganut. Setiap ketidakpuasan hati diselesaikan secara baik dengan syarat-syarat tertentu seperti tiada unsur pertelingkahan, permusuhan atau mementingkan pendapat sendiri. Justeru, pihak pimpinan dapat menyelami masalah orang ramai manakala orang awam pula dapat memahami kehendak pimpinan serta objektif setiap arahan serta kepentingannya di sisi agama. Ini diperaktikkan oleh Rasulullah s.a.w. iaitu Baginda pernah menerima idea Habbab b. Munzir ketika di dalam peperangan Badar al-Kubrā.⁶⁵

⁶⁴ Al-Šābūnī, *op.cit.*, hal. 531.

⁶⁵ Idea mencari posisi yang sesuai untuk dijadikan kubu pertahanan tentera Islam. Al-Būtī, (Dr.), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, cet. 6, Dār al-Salām, Kaherah, 1999, hal. 157.

Kesimpulannya, Islam menggariskan satu prinsip khusus yang menyentuh persoalan ketaatan kepada manusia ini iaitu :

لَا طَاعَةَ لِمُخْلوقٍ فِي مُعْصِيَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Tidak ada ketaatan kepada makhluk pada perkara kemaksiatan kepada Allah s.w.t.⁶⁶

Keenam : Penafsiran al-Qur'an dan *The Bible*. Larangan menafsir *The Bible* ke atas orang awam yang menganut agama Kristian juga berbeza dengan Islam. Menurut kepercayaan mereka terutama bagi mazhab Katolik, gereja bertanggungjawab memahamkan isi kandungan kitab suci dan gereja juga berhak mengeluarkan keputusan-keputusan menurut fahamannya.⁶⁷ Tidak seorang pun di kalangan penganut Kristian yang boleh menentang atau menyanggah pendapat gereja melainkan harus menerima keputusan tersebut sama ada ia diterima akal ataupun sebaliknya. Sekiranya akal tidak dapat menerima kata-kata yang diucapkan oleh paderi, maka ia harus melatih akal fikirannya untuk menerima pendapat itu. Jika akal masih tidak boleh menerima, maka harus pula menaruh syak pada akalnya sendiri dan bukan kepada kata-kata paderi.⁶⁸

Menurut Islam, sesiapa sahaja di kalangan penganutnya yang berkeahlian dan berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat tertentu dibenarkan menafsirkan

⁶⁶ Ahmad b. Hanbal, *op.cit.*, no. 1099, juz. 1, hal. 164. Juga rujuk no. 1069, hal. 161.

⁶⁷ Ahmad Syalabi, (Prof. Dr.), *op.cit.*, hal. 253.

⁶⁸ *Ibid.*, Muhammad Abū Zuhrah, *Muḥādarāhī al-Naṣrāniyyah*, cet.4, al-Riāsah al-'Ammah, 1404H, Riyad, hal. 168 dan Achmad Mubarok (Drs), *Perbandingan Agama Islam dan Kristen Tentang Sakramen Gereja*, cet.1, Penerbit Pustaka, Bandung, 1985, hal. 175.

al-Qur'an. Ia bukan terbatas kepada golongan pimpinan yang dilantik secara rasmi oleh pemerintah negara dan sebagainya. Ramai di antara pakar-pakar tafsir Islam atau disebut golongan *mufassirūn* terdiri di kalangan para sahabat dan alim ulama yang dikategorikan sebagai golongan ilmuan seperti Ibn Mas'ūd, Ibn Abbās, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, al-Qurtubī dan al-Tabarī⁶⁹ yang bukan di kalangan khalifah atau ketua agama.

Ketujuh : Etika pakaian. Bagi ulama Islam, tiada tatacara pemakaian yang tertentu kepada mereka. Kebiasaan para ulama berpakaian sebagaimana yang dipakai oleh Nabi Muhammad.s.a.w. dan ia turut dipakai oleh orang Islam yang lain. Sebagai contoh ialah pemakaian jubah dan serban. Mereka juga dilihat amat menjauhi pakaian-pakaian yang akan menjatuhkan maruah mereka di hadapan umat Islam. Ironinya, paderi Kristian memiliki pakaian khas yang tidak boleh dipakai selain daripada para paderi. Pakaian-pakaian ini digunakan pada setiap upacara keagamaan Kristian dan ia melambangkan satu-satu kekuasaan serta berbeza warna dan corak antara paderi berdasarkan jawatan yang dipegang.

Kelapan : Tempat ibadah. Institusi gereja dan masjid dianggap sebagai institusi dakwah agama Kristian dan Islam. Kedua-duanya mempunyai seni bina yang tersendiri yang bercirikan agama masing-masing. Di sini, segala aktiviti keagamaan dijalankan baik berupa sembahyang, upacara agama, perayaan, sosial,

⁶⁹ Subhi al-Salih, (Dr.), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Dār al-Ilm li al-Malāyin, Beirut, 1990, hal. 289, Muhammed Husain al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, jil. I, Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, Beirut, 1976, hal. 486 dan Zulkifli Mohd. Yusoff, *Kunci Mengenal al-Qur'an*, Berita Pub. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1996, hal. 69-75.

dakwah dan pendidikan. Namun demikian, institusi gereja tidak wujud di zaman Jesus⁷⁰ sebagaimana institusi masjid yang dibina sendiri oleh Nabi Muhammad s.a.w selepas berhijrah ke Madinah.⁷¹ Hal ini meletakkan kedudukan masjid lebih istimewa berbanding gereja sebagai tempat asasi dakwah Islamiah dan tempat ibadat yang mampu melahirkan kelompok manusia beriman yang beramal soleh serta berperibadi mulia di samping berupaya menyatu-padukan semua penganutnya. Ia kelihatan lebih unggul dengan kejayaan Nabi Muhammad s.a.w menghidupkan institusi masjid hingga ke peringkat penubuhan negara Islam Madinah.⁷² Ia membuktikan masjid bukanlah medium yang hanya terbatas dengan program-program ibadat semata-mata malah mencakupi seluruh aspek kehidupan insan., berbeza dengan gereja yang dilihat lebih kepada ibadah dan gerakan misionari Kristian. Malah Jesus Christ sendiri tidak berupaya menegakkan sebuah pemerintahan di zamannya bahkan terpaksa tunduk kepada kekuasaan kerajaan Romawi di saat akhir kematiannya.

⁷⁰ Abdul Wahab Latif, *op.cit.*, hal. 21.

⁷¹ al-Būtī,(Dr.), *op.cit.*, hal. 135.

⁷² *Ibid.*, hal.150-154.

5.4 PENUTUP

Menerusi huraiān kedudukan ulama bagi masyarakat Islam di dalam bab ini, ia jelas menerangkan bahawa terdapat perbezaan di antara golongan paderi menurut Kristian dengan golongan ulama menurut agama Islam. Walaupun persamaan antara keduanya tetap wujud seperti kedua-duanya merupakan ketua agama dan upacara keagamaan, berperanan menyampaikan ajaran para rasul kepada umat manusia, berperibadi mulia dan sangat disanjung oleh para pengikut serta bertanggungjawab menguruskan tempat peribadatan masing-masing namun ia tidak menatijahkan persamaan dari segi konsep paderi dan ulama. Perbezaan tersebut dijelaskan melalui huraiān pandangan Islam terhadap paderi.

Kesimpulannya, perbezaan kedudukan paderi dan ulama adalah disebabkan pegangan doktrin yang berbeza antara satu sama lain. Orang-orang Kristian memandang perkara-perkara yang benar menurut perspektif Islam, adalah haram bagi mereka. Begitu juga sebaliknya. Justeru Islam menolak kepaderian Kristian dan ia amat bertentangan dengan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. selaku nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah s.w.t. kepada manusia.